

NO. SOALAN: 461

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini siasatan kes pencerobohan Lahad Datu di Sabah dan apakah Kerajaan telah membayar pampasan kepada mangsa tragedi berdarah itu dan berapa jumlahnya.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data statistik yang diterima daripada Urus Setia Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, seramai 207 orang pengganas dan penculik di kawasan ESSZONE telah ditangkap sejak dari Mac 2013 sehingga Oktober 2014. Daripada jumlah tersebut, 71 orang yang telah didakwa di mahkamah, 79 orang telah dibebaskan tanpa syarat dan 2 orang telah dibebaskan dengan jaminan polis.

Kerajaan juga telah membina baru tiga puluh tiga (33) unit rumah bagi menggantikan rumah-rumah yang musnah semasa melaksanakan Ops Daulat. Untuk makluman, rumah-rumah tersebut kini telah siap dan sedang dalam proses penyerahan kunci kepada ahli keluarga yang terlibat.

Sekian. Terima kasih.